

**NO. SOALAN : 455**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]**

**SOALAN :**

**YB Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pengundi setiap tahun sejak 2013 di negeri Perak mengikut kawasan Parlimen dan kawasan Dewan Undangan Negeri.**

**JAWAPAN:**

**YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih baru yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya bagi negeri Perak sejak tahun 2013 sehingga Daftar Pemilih Suku Tahun Keempat Tahun 2014 (ST 4/2014) adalah sebanyak 30,877 orang pemilih.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG**  
**KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD**  
**IMRAN BIN ABD HAMID (B)**  
**[ LUMUT ]**

**SOALAN : 456**

**LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B)**  
[ LUMUT ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan ke atas FELDA yang baru-baru ini dilaporkan dalam akhbar gagal membayar kos perahan sawit peneroka hingga berlaku demonstrasi dan adakah Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) di Parlimen Ke-13 ke atas FELDA yang lalu ada kaitan.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA tidak pernah gagal membayar kos perahan sawit yang dihantar oleh peneroka setiap bulan. Selain itu, Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) di Parlimen Ke-13 ke atas FELDA yang lalu tidak menyentuh berkaitan kos perahan sawit ini.

Isu sebagaimana dibangkitkan semasa demonstrasi adalah kadar perahan yang rendah. Perkara ini tidak benar kerana kilang sawit mempunyai sistem Penggredan Buah Tandan Sawit (BTS). Objektif utama sistem ini adalah untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti pengeluaran minyak dan isirung buah sawit. Kadar pengiraan digred (KPG) ialah kadar perahan minyak sawit mentah dan isirung yang boleh diberikan kepada seseorang peneroka setelah penggredan dibuat ke atas mutu tandan BTS tersebut. Ianya dikira mengikut sistem diskaun seperti berikut :

$$\boxed{\mathbf{KPG = KPA - Penalti}}$$

- KPA**      =      Kadar Perahan Asas  
**Penalti**    =      Penalti ditentukan berdasarkan kualiti Buah Tandan Sawit (BTS) iaitu tandan mengkal, tandan tangkai panjang, tandan kosong, tandan kotor dan tandan lama

Penalti adalah potongan yang dibuat pada kategori berikut mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh MPOB :

- i) Peratus Bekalan Tandan Mengkal
- ii) Peratus Bekalan Tandan Kosong
- iii) Peratus Bekalan Tandan Tangkai Panjang
- iv) Peratus Bekalan Tandan Kotor
- v) Peratus Bekalan Tandan Dura
- vi) Peratus Bekalan Tandan Lama
- vii) Peratus Kandungan Air

Kadar penalti ini boleh dirujuk dalam buku Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit keluaran MPOB.

Sekian, terima kasih.